



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

## **MODAL DAN DASAR KEWANGAN: IMPAKNYA KEPADA PINJAMAN BANK**

**FIDLIZAN MUHAMMAD**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**KERTAS ILMIAH YANG DIKEMUKAKAN INI UNTUK MEMENUHI  
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA**

**FAKULTI EKONOMI DAN PERNIAGAAN  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA  
BANGI**

**2005**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

## PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

12 November 2005

FIDLIZAN BIN MUHAMMAD  
P 28867



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



## PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Ilahi kerana memberi kekuatan untuk menyelesaikan kajian ini, seterusnya memenuhi keperluan syarat pengijazahan. Dalam kesempatan ini, saya mengambil peluang merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Prof. Dr. Abd.Ghafar Ismail selaku penyelia kertas ilmiah. Beliau telah memberikan banyak bimbingan, nasihat, pandangan dan panduan sepanjang penulisan ini dijalankan.

Sekalung penghargaan juga diucapkan buat semua ahli keluarga; mak, ayah, abang, kakak dan adik-adik (Fikri, Piza, Pijo, Piwo, Kak Tini) atas segala dorongan dan pengorbanan yang dicurahkan sepanjang hayat. Tidak lupa juga kepada tunang disayangi, Salwa Amirah (Wa) serta ahli keluarganya atas doa dan nasihat yang berterusan.

Ucapan penghargaan juga saya tujuhan buat semua tenaga pengajar di UKM, atas tunjuk ajar dan bimbingan dalam pengajian ekonomi amnya dan ekonomi Islam khasnya. Juga tidak dilupakan ucapan terima kasih ini kepada Kak Shahida atas kesungguhan dan kelapangan beliau menyelesaikan masalah yang dihadapi.

Terima kasih khusus buat Norlin, Suraya, Pak Wahyu, Pak Yaacob, Haji Azahari dan Nizam atas susah payah membantu dalam pembelajaran bersama. Tidak dilupakan juga Roni, Ikrar, En. Adib, Pn Amal dan semua rakan seperjuangan sepanjang tempoh pengajian berlangsung. Kesabaran dalam bimbingan dan tunjuk ajar yang diberikan sangat bermakna buat diri saya.



Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada pihak pentadbiran dan kakitangan akademik di Fakulti Perniagaan dan Ekonomi (FPE UPSI) atas peluang dan kepercayaan yang diberikan untuk melanjutkan pengajian di Fakulti Ekonomi Perniagaan, UKM ini.

Ke hadrat Ilahi sahaja mampu dipanjatkan doa moga-moga merestui usaha dan bantuan yang telah diberikan dalam hasil kajian dan pengajian ini. Mudah-mudahan keberkatanNya akan memberikan inspirasi dan semangat untuk meneruskan perjuangan ilmu pada masa hadapan.

Terima kasih  
Wassalam.

Fidlizan bin Muhammad  
Kg. Lalang, Chicha Tinggi  
17000 Pasir Mas Kelantan

Fakulti Perniagaan & Ekonomi, UPSI.  
Tanjung Malim, Perak.





## ABSTRAK

Perubahan dasar kewangan ke atas struktur pinjaman bank memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi. Krisis ekonomi yang berlaku pada tahun 1997 memberi kesan kepada institusi perbankan dalam menyediakan kemudahan pinjaman. Dengan kaedah data panel, kesan ke atas pinjaman bank komersil amnya dapat dianalisa walaupun melibatkan banyak pembolehubah. Kajian ini menggunakan data tahunan bank dari 1998 hingga 2003. Hasilnya, modal bank dan hutang tak berbayar didapati signifikan sebagai karakter bank yang boleh menjelaskan kesan perubahan dasar yang berlaku. Dengan itu, dasar kewangan yang boleh meningkatkan modal bank dan juga hutang tak berbayar memberi kesan kepada pinjaman. Begitu juga pembolehubah sekuriti didapati mempunyai hubungan yang signifikan kepada pinjaman. Menggunakan interaksi antara saiz aset dengan indikator dasar kewangan, dua keputusan analisa diperolehi. Pertamanya, wujud hubungan yang signifikan interaksi tersebut dan menunjukkan wujudnya BLC dalam dasar kewangan di Malaysia. Keduanya, didapati bahawa perubahan dasar memberi kesan lebih besar kepada pinjaman dalam REL (*real estate loans*) dan CONS (*consumer*) berbanding CNI (*commercial and industrial*).



## ABSTRACT

The aim of this study to examine the impact of monetary policy and bank capital on lending behaviour. During economic crisis in 1997, banking institutions was were facing a bad situations to satisfy their role in supply adequacy of loans to borrowers. By using panel data analysis and test of for many variables, the impacts on lending of bank commercial can be was analyzed in this papers. The period of study start from 1997 to 2003 by using bank's annual data. This study have applied some of banks annual data from 1997 to 2003. The result showed that bank capital and none performing loans as a significant bank charactarestics and useful to explain policy changing recently. And, at the same time, securitize also has had negative significant influnces and impact incresing in bank Jending. By using interaction variables between total asset and monetary policy indicator, this study find out with two main conclusion. Firstly, the bank lending channel (BLC) existence in Malaysia monetary policy through significance relationship between this two indicators, and secondly, the larger effects to REL (real estate loans ) and CONS (consumer) than CNI (commercial and industrial) when changing in monetary policy occured.

## KANDUNGAN

SENARAI KANDUNGAN	HALAMAN
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	vii
SENARAI SINGKATAN	viii
SENARAI SIMBOL	ix
<b>1. PENDAHULUAN</b>	1
<b>2. KAJIAN LEPAS</b>	4
<b>3. MODEL EKONOMETRIK DAN DESKRIPSI DATA</b>	
3.1 Deskripsi dan Sumber Data	13
3.2 Model Ekonometrik	14
<b>4. KEPUTUSAN ANALISA EMPIRIK</b>	
5.1 Keputusan Analisa Deskriptif	26
5.2 Korelasi Pembolehubah	28
5.3 Keputusan Penentuan Model	39
5.4 Analisa Model Asas Pinjaman	30
5.5 Analisa Model Penggantian Pinjaman dengan Sekuriti	33
5.6 Analisa Model Pembuktian BLC	35
<b>5. KESIMPULAN</b>	38
<b>RUJUKAN</b>	

## SENARAI JADUAL

No. Jadual		Halaman
1	Keputusan Analisa Deskriptif	27
2	Keputusan Korelasi Pembolehubah	29
3	Keputusan Model Asas Pinjaman	31
4	Keputusan Model Penggantian Pinjaman dengan Sekuriti	34
5	Keputusan Model FE Pembuktian BLC	36

## SENARAI SINGKATAN

### Penggunaan Bahasa Inggeris

TLEN	Total Lending
CNI	Commercial and Industrial
CONS	Consumer
REL	Real Estate Loans
GDP	Gross Domestic Products
NPL	Non Performing Loans
SEC	Securitization
CPT	Capital
TA	Total Assets
CAR	Capital Adequacy Requirement
TBR3	Treasury Bills 3 months
OLS	Ordinary Least Squares
FE	Fixed Effects
RE	Random Effects
CC	Credit Channel
MC	Money Channel
BLS	Bank Lending Channel
BNWC	Bank Net Worth Channel
BSC	Balance Sheet Channel
Std.dev	Standard Deviation
et.al	et alia
p.	pages
No.	Number
df	degree of freedom
GP	Guideline
In	Log
D	Dummy
D.W	Durbin Watson

## SENARAI SIMBOL

$\chi$	Chi Square
$\alpha$	alpha
$\beta$	beta
$\gamma$	gamma
$\theta$	theta
$\varepsilon$	epsilon
$\Delta$	delta
$\omega$	omega
$>$	greater than sign
$<$	less than sign
$\mu$	mu
$\xi$	xi

## MODAL DAN DASAR KEWANGAN: IMPAKNYA KEPADA PINJAMAN BANK

### 1. PENDAHULUAN

Kemudahan kredit merupakan aktiviti utama perbankan pada masa kini. Bank dianggap perantara kewangan yang penting kerana fungsinya yang menghubungkan antara dua pihak. Pihak yang mempunyai lebihan dana mendepositkan wangnya ke dalam bank untuk disalurkan kepada unit kurangan dengan dikenakan kadar bunga tertentu.

Sebagai agen perantara antara dua pihak, bank dianggap sebagai agen transmisi dasar kewangan yang penting. Ini kerana, perubahan dasar kewangan yang dilaksanakan, bukan sahaja memberi kesan kepada bank, bahkan juga kepada firma secara langsung. Hubungan yang wujud antara bank dan firma dalam transmisi dasar kewangan ini dikenali sebagai "*bank dependent borrowers*". Pelaksanaan dasar kewangan yang menjelaskan kemampuan bank menawarkan pinjaman, secara langsung juga akan menjelaskan aktiviti firma dan akhirnya kepada ekonomi negara.

Hubungan tersebut telah mendorong beberapa pengkaji mengkaji faktor-faktor yang memberi kesan terhadap pinjaman bank. Antaranya ialah Brimmer (1998), De Bondt et. al ( 1999), Dietrich et.al (1983), Donsyah (2003), Gambarcorta & Mistrulli (2003), Honda (2004), Kishan & Opiela (2000,2005), Kopecky & David (2004) and Peek & Rosengren (1995). Kajian ini telah menfokuskan beberapa aspek seperti: (i) menunjukkan kesan krisis kewangan 1997 ke atas perubahan pinjaman (Brimmer (1998)); (ii) menunjukkan bagaimana peraturan terhadap bank dan modal bank memberi kesan kepada pinjaman (Honda (2004), Peek & Rosengren (1995), Donsyah (2003)). Gambacorta & Mistrulli (2003), Kishan & Opiela (2000, 2005) dan juga Donsyah (2003) mengkaji dan membuktikan BLC dengan menganalisa kesan perubahan dasar kewangan ke atas pinjaman menggunakan karakter bank dan juga pembolehubah makroekonomi.



Namun begitu, terdapat juga kajian-kajian terkini yang menfokuskan kajian kepada aspek yang baru. Fokus kajian Roza (2005) dan Brissimis & Magginas (2005) ialah melihat bagaimana pinjaman boleh terkesan oleh pengsekuritian. Kajian Pruteanu (2004) pula menganalisa adakah terdapat pembolehubah lain yang mempengaruhi pinjaman ini, dan mendapati pemilikan bank sebagai karakter yang penting selain dari modal, keairan dan aset. Hampir keseluruhan kajian yang dijalankan menggunakan pembolehubah makroekonomi bagi melihat kesan ke atas pinjaman terutamanya GDP. Bagi tujuan membuktikan wujudnya kesan perubahan ke atas pinjaman, indikator dasar kewangan seperti REPO dan Bil Perbendaharaan digunakan. Dengan itu, kajian ini akan memberikan pembuktian tambahan kepada kajian terdahulu berkaitan kesan perubahan dasar kewangan dan modal terhadap pinjaman dengan tumpuan kajian kes bank komersil di Malaysia.

Kajian ini akan menyumbang kepada beberapa aspek terhadap kajian yang dilakukan sebelum ini; perama: menggunakan dua pembolehubah karakter bank iaitu modal bank<sup>1</sup> dan hutang tak berbayar<sup>2</sup> bagi menganalisa kepentingan dua pembolehubah ini kepada pinjaman dan, keduanya: menggunakan pembolehubah sekuriti bertujuan melihat kesannya kepada pinjaman<sup>3</sup>. Ketiganya: data tahunan yang digunakan merupakan data pecahan (*disaggregate data*) iaitu data selepas krisis kewangan, 1997 bertujuan melihat kesan dasar kewangan yang dijalankan oleh kerajaan. Dalam masa yang sama, ianya selari dengan tujuan menggunakan data NPL sebagai penganalisaan satu karakter bank yang penting menentukan pinjaman. Keputusan analisa yang diperolehi akan dibandingkan dengan kajian penggantian yang dijalankan oleh Roza (2005)<sup>4</sup> sama ada

<sup>1</sup> Kajian yang pernah dilakukan tidak menjadikan modal sebagai pembolehubah. Sebaliknya ianya digunakan untuk mengkelaskan bank kepada kategori tertentu seperti “well capitalized”, “low capitalized” dan sebagainya, kecuali kajian oleh Donsyah (2003) dan Gambacorta & Mistrulli (2003) yang menggunakan lebihan modal bank dari nisbah yang disyaratkan sebagai pembolehubah.

<sup>2</sup> Hutang tak berbayar digunakan sebagai pembolehubah disebabkan banyak karakter bank yang boleh memberi kesan kepada pinjaman mengikut Pruteanu (2004).

<sup>3</sup> Magnitud penggantian yang tinggi menunjukkan bank tidak memainkan fungsinya yang sebenar. Keadaan ini boleh menyebabkan kesukaran untuk mendapatkan pembiayaan yang dikenali sebagai *credit crunch*.

<sup>4</sup> Kajian Roza (2005) menggunakan data tahunan bank sebelum dan selepas krisis iaitu dari 1994-2003





sama atau sebaliknya. Keempatnya: menggunakan interaksi jumlah aset bank<sup>5</sup> dengan boleh ubah makroekonomi dan indikator dasar kewangan bagi membuktikan kewujudan saluran pinjaman ke atas bank komersil di Malaysia. Kelimanya: membuktikan sub pinjaman yang lebih responsif terhadap perubahan dasar kewangan bagi negara Malaysia, sama ada mempunyai persamaan dengan kajian sebelum ini atau sebaliknya.

Objektif kajian ini adalah untuk; pertamanya,mengenalpasti apakah modal (CPT), hutang tak berbayar (NPL), keluaran negara bersih (GDP) dan dasar kewangan (Bil Perbendaharaan 3 bulan (TBR3)) mempengaruhi pinjaman sesebuah bank, kedua;menguji kesan penggantian sekuriti terhadap pinjaman, dan ketiga; menguji jumlah aset dengan indikator dasar kewangan (TBR3) dan keluaran negara bersih (GDP)<sup>6</sup> bagi membuktikan wujud BLC dalam pinjaman bank menggunakan kaedah interaksi (*interaction*).

Untuk memudahkan perbincangan, kajian ini dibahagikan kepada beberapa bahagian. Pada bahagian kedua membincangkan tinjauan kajian-kajian lepas yang membicarakan berkaitan kajian perkembangan transmisi dasar kewangan. Selain itu, kajian-kajian lepas yang bersangkutan dengan pembuktian terhadap perubahan pinjaman ini juga akan dinyatakan dapatkan kajian berkaitan. Bentuk data-data yang digunakan juga akan dinyatakan bersama. Bahagian ketiga pula membincangkan berkaitan metode kajian ini, model penganggaran dan juga data-data yang digunakan sebagai boleh ubah bersandar dan tidak bersandar. Bahagian keempat membincangkan keputusan penganalisaan model. Manakala bahagian kelima merupakan bahagian terakhir sebagai kesimpulan penganalisaan kajian yang diperolehi.

<sup>5</sup> Pruteanu (2004) dalam kajiannya menggunakan kecairan bagi mewakili karakter bank dan membuktikan bahawa pemilikan (*ownership*) sama ada kepada tempatan atau asing juga mempunyai pengaruh yang signifikan dan sesuai dijadikan sebagai satu lagi karakter bank.

<sup>6</sup> Tujuan interaksi jumlah aset dengan GDP bagi melihat kesan pengelakan risiko (*risk aversion effects*).

